

Headline	TNB sekat hatrik Terengganu		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Sukan	Page No	47
ArticleSize	268 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 26,622		



## TNB sekat hatrik Terengganu

**Kuala Lumpur:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) menebus kekecewaan dua tahun berturut-turut apabila mengalahkan juara bertahan, Pasukan Hoki Terengganu (THT) 3-1 menerusi penentuan penalti untuk merampas Piala Sumbangsih 2024 dalam permu-laan musim Liga Hoki Malaysia (MHL) 2024, kelmarin.

Pada aksi di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil berkenaan, TNB menyekat misi THT untuk gelaran hatrik apabila kedua-dua pasukan terikat 2-2 selepas masa penuh 60 minit perlawanan sebelum diheret ke penentuan penalti.

THT menevaskan TNB dua kali dalam aksi Piala Sumbangsih, masing-masing menang 3-2 pada edisi 2022 dan 4-3, tahun lalu.

Pada perlawanan itu, kedua-dua pasukan memperkenalkan aksi

seimbang pada awal perlawanan untuk memburu jaringan namun TNB terlebih dahulu memecah kebuntuan menerusi pukulan sudut penalti yang dihasilkan Jang Jong Hyun pada minit ketiga.

TNB di bawah kendalian Nor Saiful Zaini Nasiruddin kemudian menggandakan kedudukan pada minit ke-24 apabila Muhammad Azrai Aizad Abu Kamal meledak jaringan padang namun THT merapatkan jurang menerusi ledakan jaringan padang yang dicipta Mohd Fitri Saari pada minit sama.

THT di bawah kendalian jurulatih Mohd Harfizi Baharom kemudian menyamakan kedudukan menerusi pukulan penalti strok yang dihasilkan Mohd Fitri pada minit ke-49 dan keputusan kekal 2-2 seterusnya mengheret kepada penentuan penalti.

Keputusan pada aksi pembuka tirai itu memberikan kedua-dua pasukan satu mata untuk misi memburu gelaran liga musim ini.

Dalam pada itu, Nor Saiful Zaini berkata meskipun mampu menyekat misi THT dalam pemburuan hatrik kejuaraan mereka, beliau tidak berpuas hati kerana hanya memperoleh satu mata untuk memulakan saingan liga musim ini.

"Permulaan yang baik, tapi saya sangat tidak berpuas hati dengan permainan kerana kita memiliki banyak peluang yang kita sia-siakan, percubaan pukulan sudut penalti tidak banyak menghasilkan jaringan, kita sepertinya perlu menang."

"Dalam perebutan juara liga kita hanya ada tiga pasukan, jadi dengan hanya satu mata akan su-



Pasukan hoki TNB muncul juara Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia selepas menewaskan THT, kelmarin. (Foto BERNAMA)

kar untuk kita juara," katanya

Sementara itu, Perlawanan Piala Sumbangsih MHL Wanita menyaksikan juara bertahan Negeri Sembilan (NSE) gagal mempertahankan kemenangan apabila ditundukkan Malaysian University 3-0 menerusi penentuan penalti.

Malaysian University sebelum itu berjaya mengikat NSE 2-2 dalam 90 minit perlawanan.

Perlawanan itu menjadikan kedua pasukan NSE dan Malaysian University meraih satu mata pertama untuk memulakan kempenn liga musim ini. BERNAMA